



Siaran Media

Untuk Siaran Segera

PHB dan MAM Menawarkan 160 Juta Unit AHB Untuk Dilanggan

Kuala Lumpur, 11 Mac 2021 – Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) dan Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (MAM) dengan sukacita mengumumkan bahawa sebanyak 160 juta unit Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) akan ditawarkan semula untuk dilanggan bermula Isnin hadapan, **15 Mac 2021**.

"Untuk makluman, 160 juta unit yang akan ditawarkan semula ini, adalah hasil unit terkumpul yang telah ditebus oleh pemegang- pemegang unit selama setahun sejak Mac 2020. Kali terakhir kami menawarkan semula unit yang telah ditebus adalah sebanyak 100 juta unit iaitu pada Februari 2020 dan ia telah habis dilanggan dalam masa 6 hari. Sejak itu, penjualan unit AHB telah ditutup dan semua unit yang ditebus oleh pemegang unit telah dikumpulkan dan disimpan oleh PHB. Kini, kami menawarkan semula unit-unit ini untuk dilanggan oleh masyarakat Bumiputera. Walau bagaimanapun, penawaran semula 160 juta unit tersebut tidak akan mempengaruhi dana semasa AHB yang telah diluluskan dan kekal pada 4 bilion unit", kata Ketua Pegawai Eksekutif MAM, Ahmad Najib Nazlan.

"Walaupun dengan pandemik COVID-19, trend penebusan unit AHB ketika ini adalah lebih rendah berbanding sebelum pandemik COVID-19 melanda. Kami yakin corak ini menunjukkan kesetiaan pemegang unit terhadap AHB. Oleh kerana unit yang akan ditawarkan adalah terhad, tawaran ini dibuat berdasarkan siapa cepat dia dapat dan akan ditutup setelah unit tersebut habis dilanggan sepenuhnya. Oleh itu, kami mencadangkan agar orang ramai mengunjungi pengedar-pengedar sah kami secepat mungkin," tambah Ahmad Najib.

Unit AHB boleh dilanggan di pengedar-pengedar sah AHB iaitu Maybank, AmBank Berhad dan Amlslamic Bank Berhad.

PHB adalah penaja dan MAM adalah pengurus dana AHB.

- TAMAT -